

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SELANGOR)  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

---

**KETUA PTJ :**

ASMAH BINTI AWAL

**KETUA UNIT KUALITI :**

SHANTAKUMARI A/P RAJAN

**PENYELARAS :**

NUR FATIHAH BINTI MUHAMAD

**PENULIS :**

1. ALFINA BT BAKAR
2. ROSMADI BIN GHAZALI
3. AHMAD TAUFEEK BIN ABDUL RAHMAN
4. NOOR ALZURA BINTI ALANG IDRIS
5. BADRUL BIN ISA
6. JUNAIDI BIN MUSLIM
7. MOHAMAD HAMIDI BIN MOHD JAIS

8. ZAMANI BIN UMAR HUSIN
9. SURIA BIN KAMIS
10. LUFTI FAUZI BIN SABARI
11. SHANTAKUMARI A/P RAJAN
12. NOR AZYYATI BINTI MD SAAD
13. SRI FATIANY BINTI ABDUL KADER JAILANI
14. MAZLIFAH BINTI OMAR
15. AIDA MARIA BINTI ISMAIL
16. ABU BAKAR BIN ABD HAMID
17. ARNIATUL AIZA BINTI MUSTAPHA
18. SALIANA BINTI SADI
19. ADLIN NA'QIAH BINTI SABAR @ SABAL
20. EDWINA BINTI HAMZAH
21. MOHD SHAHARUDIN BIN SAUD
22. MOHAMMAD RAHIMI BIN AZIZ
23. QAMARUL ANUAR BIN MOHAMAD
24. ZAITON BINTI DAUD
25. KU INTAN SAFINAS BINTI KU MUHAMAD
26. KU INTAN SAFINAS BINTI KU MUHAMAD
27. SUBHA BINTI ISMAIL
28. SITI FAZLINA BINTI MOHAMED RAFFI
29. MOHD ANUAR BIN MOHD MAASOM
30. NOORIZAN BINTI CHE RASHID
31. NURA BINTI MOHD THALHA
32. NURUL NADZIRAH BINTI ISMAIL
33. NOOR RASHIDAH BINTI A. RAHMAN
34. NUR IZZATI BINTI SHAHARUDDIN
35. ARYANTI BINTI MISDAR
36. AHMAD TARMIZI BIN KAMARUZAMAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan UCS diterajui oleh seorang Rektor iaitu Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah. Di samping itu, Rektor dibantu oleh tiga (3) Timbalan Rektor iaitu Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi (TRek P&I), Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TRek HEP), Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (TRek iCARE) serta seorang Penolong Rektor dan Pengarah Pusat Asasi. Kepimpinan Kanan UCS turut diperkukuhkan dengan sokongan Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua Timbalan Bendahari, Pengarah Pengurusan Fasiliti, Ketua Timbalan Pustakawan, Ketua Keselamatan Kesihatan Pekerjaan dan Kesejahteraan (COSHAW) serta Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan. Proses UCS untuk mendapatkan status autonomi telah bermula tahun 2019. Pada 1 Mac 2022, UCS telah berjaya melakar sejarah apabila mencapai status autonomi, hasil sinergi kepimpinan UCS cemerlang, dinamik, berkaliber, dan berwawasan. Keunikan UCS juga yang dinobatkan sebagai kampus autonomi berorientasikan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, dan penglibatan masyarakat.

**Perancangan (Plan)** yang rapi dan taktikal dibangunkan oleh barisan kepimpinan UCS bagi memastikan pengoperasian fungsi autonomi UCS di tahap optimum seterusnya menyokong misi aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 (GRU2025). Untuk mencapai matlamat ini, **kepimpinan UCS telah memperkenalkan dan berjaya mengimplementasikan beberapa inisiatif strategik melalui Model Strategik UCS 2021-2023** ke arah menyampaikan perkhidmatan **#UCSCemerlang** yang menjadi teras kepada perkhidmatan di UCS. Melalui model ini, **kepimpinan UCS memberikan penekanan kepada empat fokus kecemerlangan** iaitu *Excellence in Services, Students Performance, Research dan Industry & Community Engagement*. **Pelan Tindakan Strategik (SAP) UCS** beserta **Proses Persediaan Autonomi UCS** turut dilaksanakan. Menerusi SAP UCS, turut disusun dan dilaksanakan **Projek Khas Rektor** dalam mendokong sepenuhnya misi dan visi UiTM seterusnya menghasilkan kualiti perkhidmatan terbaik kepada seluruh pemegang taruh UCS.

Bagi tujuan **Pelaksanaan (Do)** inisiatif strategik, **27 projek SAP telah dilaksanakan bersama penambahan 26 Projek Khas Rektor yang melibatkan unit-unit yang tidak terlibat secara langsung dalam PI universiti** Selain itu, **kepimpinan kanan UCS turut menjalankan proses semakan tadbir urus UCS dan pelaksanaan Audit Perjawatan** dalam memastikan pelaksanaan bidang kuasa Autonomi yang diberikan kepada UCS dapat berjalan lancar. Pelaksanaan inisiatif strategik oleh barisan kepimpinan UCS secara keseluruhan, telah **menghasilkan sebuah pasukan yang utuh serta mampu menyampaikan kualiti perkhidmatan berinovasi dan berimpak**.

**Pemantauan (Check)** secara berkala diwujudkan oleh kepimpinan kanan UCS. **Setiap suku tahun, telah dilaksanakan pemantauan kemajuan 27 projek SAP** yang telah ditetapkan menerusi sistem UePMO dan dashboard KPI di bawah seliaan Bahagian Transformasi Universiti (BTU). **Pembentangan Petunjuk Prestasi juga dilakukan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti (JKEN) mengikut suku tahun** bagi memastikan semua ketua-ketua bahagian **dapat mengetahui perkembangan projek yang dipertanggungjawabkan serta melakukan penambahbaikan** dari semasa ke semasa. Manakala setiap unit-unit yang dipertanggungjawabkan di bawah **Projek Khas Rektor dimestikan untuk membentangkan sebanyak dua (2) kali dalam setahun pencapaian sasaran 26 projek-projek di bawah Projek Khas Rektor**. Jajaran autonomi diperkasakan melalui **Model UCS LEAN Leadership** ke arah Kecemerlangan UCS. **Melalui Audit Perjawatan, Capaian Audit Bersih Bendahari UCS, Audit dalam dan Audit Lloyds PTAR** pengukuhan perkhidmatan cemerlang terus dicapai di setiap PTJ.

**Penambahbaikan (Act)** hasil pemantauan dilakukan menerusi dapatan PI yang berteraskan kepada strategi bahagian/unit dalam usaha untuk mencapai **#UCSCemerlang**. Bagi mencapainya, **setiap risiko organisasi dipantau dan diselesaikan**

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penerimaan status autonomi pada 1 Mac 2022 **tanpa melibatkan sebarang penambahan staf** merupakan salah satu cabaran kepada kepimpinan tertinggi UCS dalam memastikan pengoperasian **fungsi autonomi UCS di tahap optimum**. Hasil **pelbagai inisiatif oleh pihak pengurusan kanan** berjaya menggerakkan seluruh warga UCS untuk terus melakar kecemerlangan dengan mencapai **Anugerah Pencapaian 6 Bintang selama Tiga Tahun Berturut-turut (2020-2022)**.

Berteraskan **Model Strategik UCS 2021-2023**, kepimpinan UCS menggunakan **pendekatan kepimpinan berkesan (Lean Leadership)** yang diterjemahkan menerusi **Model 'UCS LEAN Leadership'** yang membawa empat nilai utama iaitu; **Leadership, Empowerment, Agile** serta **Nurture** (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti1). Menerusi model ini pengurusan tertinggi UCS menggalakkan kecekapan pentadbiran, penambahbaikan berterusan, dan pengurangan pembaziran dalam operasi ke arah **Penyampaian Perkhidmatan #UCSCemerlang**.

### 1.2.1 Kepimpinan UCS yang dinamik / Leadership

Rektor dan pasukannya yang berdedikasi, cemerlang, berpengalaman, kompeten dan pakar dalam bidang masing-masing. (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti1). **Amalan kepimpinan kolaboratif menjadi keutamaan di UCS** dalam memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan **#UCSCemerlang** pada kedudukan yang terbaik. (UCS\_Kriteria 1\_1.2\_Bukti2)

### 1.2.2 Pemimpin memperkasa seluruh warga kampus / Empowerment

Pemeriksaan kepimpinan Rektor kepada barisan pimpinan kanan UCS diperlihatkan menerusi ucapan beliau di **Bengkel Perancangan Strategik UCS** yang dianjurkan pada 7-8 Februari 2022 apabila beliau menekankan **pemeriksaan pemikiran seluruh warga UCS ke arah daya pemikiran global dan memacu kecemerlangan bagi capaian GRU2025**. Komitmen pengurusan kanan dalam **memperkasakan aspek kebertanggungjawaban nilai Penyampaian Perkhidmatan #UCSCemerlang kepada seluruh warga kampus turut diterjemahkan menerusi UCS Strategic Model 2021-2023**. (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti3).

**Pelan Tindakan Strategik UCS** berserta pelaksanaan **Projek Khas Rektor** dirangka oleh kepimpinan kanan UCS bagi memberi kepercayaan, tanggungjawab serta keterlibatan seluruh warganya ke arah menjayakan aspirasi **#UCSCemerlang**. **Pemeriksaan dari aspek sokongan dan kelulusan turut dilaksanakan menerusi mesyuarat-mesyuarat secara berkala** yang dijalankan di peringkat PTJ. Data dan pencapaian yang dibentangkan, **perbincangan dan keputusan bersama yang diambil**, membuktikan sentiasa ada usaha dan kerjasama semua pihak dalam menggerakkan nilai **Penyampaian Perkhidmatan #UCSCemerlang**. Mesyuarat di peringkat operasi yang dipengerusikan oleh Rektor UCS adalah seperti pada (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti4)

### 1.2.3 Ketangkasan Tadbir Urus UCS / Agile

**Kepimpinan tangkas yang diamalkan oleh barisan kepimpinan UCS** diterjemahkan menerusi **usaha berterusan menyokong gerakan kualiti dan inovasi** untuk menyampaikan perkhidmatan berimpak kepada pemegang taruh UCS. Beberapa **inisiatif pengautomasian proses telah dilaksanakan di UCS seperti pada** (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti5). **Sistem yang telah diautomasikan antaranya MyHEI, Spot@UCS, MySRK, COMPAS, CERTS dan CRS**.

Gerakan kepimpinan tangkas telah **menginovasikan satu Manual Tadbir Urus UCS** yang dilancarkan secara rasminya semasa Kemuncak Hari Inovasi UiTM 2022 dan disempurnakan oleh YBhg. Naib Canselor. Manual ini **diwujudkan bagi memastikan proses pembuatan keputusan yang telus dan tepat dibuat berdasarkan tatacara, struktur, proses dan peraturan yang betul**. (UCS\_Kriteria1\_1.2\_Bukti5).

### 1.2.4 Memupuk Semangat Kekitaan / Nurture (N)

Sentiasa menjulang nilai yang menjadi tunjang setiap warga UiTM, barisan kepimpinan kanan